

# Labuan harap lebih banyak peruntukan akan disalurkan: Bashir

OLEH JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Pengerusi Bersama Muafakat Nasional, (Umno/PAS), Bahagian Labuan, Datuk Bashir Haji Alias berharap Labuan akan menerima agihan peruntukan yang lebih besar di bawah kepimpinan baharu Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, adalah menjadi harapan rakyat Labuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang kini diterajui oleh Tan Sri Annuar Musa sebagai menteri wilayah baharu dilantik dibawah kepimpinan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dapat menyediakan peruntukan lebih besar bagi menjayakan program.

Bashir yang juga Ahli Dewan Negara, berkata, peruntukan yang lebih besar amat diperlukan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat tetapi juga sebagai usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara Labuan dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Adalah menjadi harapan kami (Muafakat Nasional) kerajaan melalui Kementerian

Wilayah akan memberikan keutamaan kepada Labuan, ini kerana Labuan yang berstatus sebagai pusat kewangan pesisir pantai masih lagi telah terpinggir daripada arus pembangunan disebabkan peruntukan yang diterima agak kecil berbanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya pada sidang akhbar Muafakat Nasional (Umno/Pas) dan MCA Bahagian Labuan yang pertama selepas parti Perikatan Nasional menjadi kerajaan.

Hadir sama, Yang DiPertua Pas Wilayah Persekutuan Labuan, Haji Hamir Haji Zahari, Timbalan Yang Di Pertua Pas Wilayah Persekutuan Labuan, Ustaz Ahmad Junid Mohd Aling, Timbalan Ketua Umno Bahagian, Datuk Khalid Ghani dan Pengerusi MCA Labuan, Datuk Chin Hong Vui.

Turut hadir Naib Yang Di Pertua Pas Labuan, Haji Abdul Rahim Haji Mohd Salleh, Setiausaha Umno Bahagian Labuan, Mohd Dzulfaizal Abd. Manan, Ketua Wanita Umno Bahagian, Niswati Tarji dan Ketua Muslimah PAS Labuan, Hajah Jarinah Awang Jaafar.

Dalam pada itu beliau turut menjelaskan bahawa Muafakat Nasional Labuan dan BN



**SIDANG AKHBAR...** Muafakat Nasional Labuan bersama Bashir (duduk tengah), Haji Hamir (duduk tiga kanan), Haji Junid (duduk dua kiri), Chin Hong Vui (duduk tiga dari kiri) Khalid (duduk kiri sekali) serta barisan kepimpinan Muafakat Nasional (Umno/Pas) dan MCA.

Labuan akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa bagi memberikan taklimat dan gambaran mengenai Labuan.

Dalam pada itu, Bashir yang juga Ketua Umno Bahagian Labuan berharap di bawah

kepimpinan Perdana Menteri yang baharu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kemelut politik negara akan dapat diredakan seterusnya usaha pemuliharaan ekonomi dapat diperhebatkan disamping agenda kebajikan rakyat harus juga di beri tumpuan.